

Dalam petikan 1, terdapat **enam kesalahan bahasa**. Betulkan kesalahan-kesalahan tersebut.

Aktiviti membeli-belah dalam talian merupakan kaedah yang **paling mudah sekali** bagi **gulongan** yang ingin mendapatkan barangan yang diidamkan tanpa perlu terburu-buru ke **pasaraya**. 57 peratus rakyat Malaysia lebih gemar membeli-belah **prodak** atau perkhidmatan dalam talian menggunakan peranti mudah alih mereka. Hanya sekadar menekan butang tetikus, barangan tersebut akan dihantar **pada** pembeli dengan **perbelanjaan** penghantaran yang minimum atau percuma dan tunggu barangan tersebut sampai di depan pintu. Dengan kata lain, pengguna tidak perlu meninggalkan rumah atau pejabat dan menjadi antara faktor tarikan utama pembelian atas talian terus menjadi pilihan ramai. Tambahan pula, harga barangan yang jauh lebih murah berbanding dengan kedai juga menyebabkan trend membeli-belah dalam talian lebih popular.

1.

2.

3.

4.

5.

6.

Dalam petikan 2, terdapat lima kesalahan bahasa. Betulkan kesalahan-kesalahan tersebut.

Fung Yee : Helo, bolehkah saya **berbual** dengan Asyikin?

Asyikin : Helo, Asyikin di sini. Siapa di sana?

Fung Yee : Saya Fung Yee.

Asyikin : Oh, Fung Yee! Apakah hal awak menelefon saya?

Fung Yee : Saya bercadang hendak berkunjung ke **pamiran** buku yang diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) pada petang ini. Jadi, saya ingin **menjemput** awak ke sana. Saya rasa tentu banyak buku rujukan yang dapat **diperoleh** kita di sana.

Asyikin : Petang ini? Saya tidak boleh memberikan kata putus sekarang. Saya perlu meminta izin **dari** ayah dan ibu saya.

Fung Yee : Baiklah, kalau begitu. Jangan lupa menelefon saya semula, ya.

Asyikin : Baiklah.

1. 

2. 

3. 

4. 

5. 